Norhardi Bin Saad

From: Jabatan Komunikasi Korporat
Sent: Monday, 29 April, 2024 4:04 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Staf - Pesara UUM
Subject: PROMOSI GALAK PELAJAR SELATAN THAILAND SAMBUNG BELAJAR

Jabatan Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

Your Reliab
DIGITAL INFORMAT

UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA | THE EMINENT M

29 APRIL 2024 / 20 SYAWAL 1445H
==========

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Mohd Fuad Hamid/UUM Today

PROMOSI GALAK PELAJAR SELATAN THAILAND SAMBUNG BELAJAR



UUM ONLINE: MUEANG SONGKHLA, 29 April - Meneruskan siri lawatan ke Selatan Thailand, Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM) mengadakan pertemuan dengan Konsul Jeneral Malaysia di Songkhla, Ahmad Fahmi Sarkawi di pejabat beliau, di sini, hari ini.

Prof. Dr. Mohd Foad Sakdan telah menyatakan tujuan dan matlamat delegasi UUM itu adalah bagi perbincangan dan pertukaran pandangan mengenai kerjasama semasa dan juga masa hadapan berkaitan pendidikan tinggi negara, khususnya UUM.

Menurutnya, ia sejajar dengan matlamat serta tujuan yang digariskan dalam Landasan Hala Tuju Pendidikan Tinggi 2024 di mana salah satunya adalah Pengantarabangsaan Pendidikan Tinggi.



“Kedatangan kita ini adalah untuk membincangkan potensi kerjasama dengan Pejabat Kedutaan dalam aspek pendidikan tinggi yang mungkin boleh membantu menarik pelajar di Selatan Thailand untuk melanjutkan pengajian ke UUM.

“Selain itu, kita ingin meneroka kerjasama pintar antara Pejabat Kedutaan bagi merapatkan hubungan UUM dengan universiti di Selatan Thailand ini,” katanya.

Antara pengisian lain adalah membincangkan tentang cadangan membuka Pusat Kerjasama UUM dengan universitI-universiti di Selatan Thailand.



Sementara itu, Konsul Jeneral Malaysia di Songkhla, Ahmad Fahmi berkata, beliau berterima kasih kepada UUM atas kesudian bekerjasama dengan wilayah-wilayah di Selatan Thailand.

Malah, beliau juga memberi maklum balas positif pelajar di sini terutamanya dalam memantapkan penguasaan Bahasa Melayu.

Di samping itu juga, promosi berterusan bagi menarik jumlah pelajar menyambung pengajian di Malaysia juga amat menggalakkan dan positif.

Berita penuh layari, https://uumtoday.com/news/promosi-galak-pelajar-selatan-thailand-sambung-belajar/







Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.